

Alibaba Cloud Start your virtual private server (VPS) journey with our wide selection of images
Build apps or websites easily from 19.90 USD for the first year (1.65 USD/month) [Get started](#)



>> BISNES >> Pejabat Pelaburan Digital selaras pelaburan

Pejabat Pelaburan Digital selaras pelaburan

|| 02 Ogos 2021



Mustapa Mohamed

KUALA LUMPUR - Platform dalam talian rasmi, Pejabat Pelaburan Digital (DIO) yang dilancarkan pada Isnin akan berperanan penting untuk Malaysia dalam usaha menarik pelaburan berkualiti, khususnya berkaitan pendigitalan dari dalam dan luar negara.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed berkata, pejabat itu akan bertindak sebagai jendela tunggal untuk menyelaras dan melancarkan semua pelaburan digital asing dan domestik dalam negara.

Beliau berkata, aspek itu termasuk minat pelaburan digital yang dicapai semua agensi penggalakan pelaburan lain di Malaysia.

"Majlis Ekonomi Digital dan 4IR Negara yang dipengerusikan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin baru-baru ini meluluskan penubuhan DIO yang akan berperanan penting dalam menarik pelaburan digital.

"DIO merupakan kerjasama antara Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) dan Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC)," katanya semasa menyampaikan ucapan pada pelancaran platform dalam talian rasmi DIO secara maya pada Isnin.

Beliau menggesa pelabur terutama pelabur asing supaya terus memanfaatkan kelebihan Malaysia dalam usaha pengembangan operasi mereka di Asia.

Mustapa memberitahu, skop DIO meliputi empat bidang iaitu, penyelarasan, penilaian, pemudahan dan sokongan dasar.

"Fungsi utama DIO adalah menilai minat pelaburan digital serta memberi saranan nilai yang sesuai kepada pelabur. Selain itu, DIO turut menyokong pemudahan pelaburan menyeluruh seperti proses sebelum dan selepas kelulusan, termasuk pemudahan bagi ekspatriat dan bakat digital," katanya.

element14

Up to 70% off

Semiconductors -IC's

[Shop now >](#)



TERKINI | POPULAR

- 1 Lagu 'My Home K'Klate' terjemah keunikan...
- 2 11 ahli Dewan Negara hadir ke Parlimen serah memorandum
- 3 Ringgit dibuka mengukuh dipacu peningkatan harga minyak
- 4 Tanggal gelang 'pink' pergi rumah rakan
- 5 Guru rugi RM30,000 cemas dituduh terlibat jenayah

PRUDENTIAL BSN TAKAFUL
Pengendali Takaful Kelangka No. 1*
*TAKAFUL berdaftar di sisi ke-16 dengan pendaftaran jenis insurans. Dapatkan maklumat lanjut di grbsbs.com.my

Iklan oleh Google

[Hentikan iklan ini.](#)

[Mengapa iklan ini? ⓘ](#)

Newsletter
Berita Telus & Tulus hanya untuk anda setiap hari. [Langgan Sekarang!](#)

Email

Nama

Saya telah memahami dan bersetuju dengan Polisi Data Peribadi.

[Langgan](#)

